

03 NOV 2003

Parlimen-Penghargaan (Ong)

RAKYAT TETAP MENGINGATI DR M WALAUPUN TELAH BERSARA, KATA ONG

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia akan tetap mengingati Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat kerana beliau berjaya dengan cemerlang memimpin negara selama 22 tahun, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Dr Mahathir seorang negarawan yang telah memimpin negara mencapai hala tuju menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 dan berjaya mencetuskan semangat dan keyakinan diri dalam jiwa rakyat Malaysia.

"Jasa dan bakti beliau kepada negara adalah begitu besar, penghargaan kita melalui segala ucapan samada melalui kata-kata, tulisan, iklan atau pun acara dalam beberapa hari yang lalu dan seterusnya masih tidak dapat ditunjuk atau digambarkan dengan sepenuhnya," kata Ong yang juga Presiden MCA.

Beliau berkata demikian semasa menyokong usul ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Katanya memang tidak dapat dinafikan kejayaan negara hari ini dalam semua bidang samada ekonomi, pendidikan, sains, teknologi, industri, sukan atau pun bidang lain, berhubung-kait rapat dengan dasar dan panduan arah diberikan Dr Mahathir.

Di arena antarabangsa pula, kata Ong, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang sentiasa berani tampil ke hadapan untuk membela nasib negara-negara yang ditindas oleh kuasa besar terutamanya kuasa barat.

"Dr Mahathir berpegang kuat kepada prinsip keadilan dan kebenaran. Beliau tidak pernah tunduk kepada tekanan dari luar untuk menyuarakan pandangan dan pendirian Malaysia berhubung isu-isu antarabangsa," katanya.

Kejayaan Malaysia yang kini muncul sebagai sebuah negara sedang membangun yang paling moden dan maju di dunia adalah hasil kepimpinan Dr Mahathir yang berkaliber, strategik, dinamik dan berwawasan, kata beliau.

"Memang tepat dan sesuai Dr Mahathir digelar "Bapa Pemodenan Malaysia" kerana beliau telah berjaya mengubah wajah negara dari sebuah negara pertanian yang miskin kepada sebuah negara perindustrian moden, yang mampu bersaing dengan negara-negara maju," katanya.

Katanya masyarakat Cina di Malaysia menyanjung tinggi kepimpinan Dr Mahathir kerana beliau sentiasa prihatin dan peka kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina dan memberikan bantuan untuk menyelesaikannya dengan baik.

Beliau berkata masyarakat Cina juga yakin dengan pengganti Dr Mahathir untuk membawa Malaysia ke satu tahap yang lebih tinggi kerana Abdullah merupakan seorang pemimpin yang berpengalaman, bijaksana, berprinsip, adil, peka, berpandangan jauh dan berjiwa rakyat.

-- BERNAMA

SR SR BK